

Peraturan lindunaji maklumat elektronik dikaji

BH 26 MAY 2000

KUALA LUMPUR, Khamis — Kerajaan bercadang memperkenalkan undang-undang perlindungan maklumat peribadi elektronik, untuk memastikan rakyat negara ini dilindungi sepenuhnya daripada ancaman pendedahan maklumat tanpa kebenaran.

Pengumcara Negara, Datuk Heliliah Mohd Yusof, berkata undang-undang itu perlu dirangka bagi melindungi rakyat daripada menjadi mangsa pihak yang tidak bertanggungjawab.

Beliau berkata, beberapa negara seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom, sudah memperkenalkan per-

aturan perlindungan maklumat peribadi masing-masing, dengan Kanada melantik seorang Pesuruhjaya Perlindungan Maklumat untuk tugas itu.

Bagaimanapun, beliau enggan mendedahkan maklumat lanjut mengenai pelaksanaan undang-undang baru itu, kecuali menyatakan ia masih dalam kajian kerajaan.

“Dengan interaksi antara negara di dunia semakin meningkat, satu hari nanti kerajaan terpaksa melakukan sesuatu mengekang pengeluaran maklumat peribadi dengan berleluasa.

“Saya berpendapat masanya sudah tiba bagi kerajaan

menimbang pelaksanaan rangka undang-undang yang lebih berkesan, sebagai langkah pencegahan utama memelihara ketelusan maklumat berkenaan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Cyberlaw Antarabangsa Koridor Raya Multimedia (MSC), di sini hari ini.

Heliliah berkata, jika sebelum ini rakyat hanya membawa kad pengenalan dan menunjukkan dokumen itu apabila diperlukan pihak berkuasa, penggunaan sistem elektronik membolehkan maklumat berkenaan ‘dibuka’ oleh orang lain.

“Apa yang jelas ketika ini ialah jika data mengenai seseorang disimpan dalam sistem pemfailan automatik, wujud kemungkinan orang lain yang tahu membuka fail berkenaan, mendapatkan maklumat terbabit.

“Jika maklumat itu digunakan untuk menggugat individu malang itu... kemungkinannya amat besar sekali,” katanya sambil berkata, institusi kerajaan adalah gudang maklumat terbesar di negara ini.

Terdahulu, dalam sesi dialog dengan peserta persidangan, Heliliah melahirkan rasa sedihnya dengan pelbagai insiden yang membabit-

kan pendedahan maklumat peribadi individu tertentu, khususnya mereka yang dijangkiti penyakit atau virus berbahaya.

“Sejak kebelakangan ini, kita melihat banyak insiden membabitkan pendedahan identiti individu dalam kes tertentu, seperti surirumah yang menerima suntikan virus HIV di Jitra baru-baru ini.

“Dalam kes itu, saya ber-setuju dengan pandangan (Presiden Majlis Aids Malaysia) Datin Paduka Marina Mahathir, bahawa identiti pesakit berkenaan tidak seharusnya didedahkan,” katanya.